

19 JUN 1999

Mahathir-Hina

DR MAHATHIR PERCAYA BELIAU TIDAK HINA MAHKAMAH

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad percaya beliau tidak menghina mahkamah apabila bercakap mengenai bekas timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika berucap merasmikan Perhimpunan Agung Umno ke-53 di sini semalam.

Perdana Menteri berkata apa yang beliau katakan mengenai Anwar adalah berdasarkan pengalamannya dan bukannya mengenai kes liwat Anwar yang sedang dibicarakan di mahkamah sekarang.

"Saya menghormati mahkamah tetapi saya bercakap mengenai diri saya sendiri, mengenai pengalaman saya sendiri. Adakah saya tidak dibenarkan memperkatakan apa-apapun mengenai pengalaman saya? Bahawa saya bercakap dengan Anwar, bahawa ini adalah apa yang beliau katakan...itu yang saya cakapkan. Saya tidak dibenarkan bercakap demikian?" katanya.

Bercakap pada persidangan berita selepas berakhirnya hari ketiga perhimpunan agung itu di Pusat Dagangan Dunia Putra, Dr Mahathir berkata beliau kini menghadapi satu kes saman kerana didakwa menghina mahkamah.

Dr Mahathir berkata beliau kini adalah Perdana Menteri yang tidak boleh bercakap mengenai apa-apapun.

"Apabila hakim mahkamah membuat perintah larangan mengulas kes yang sedang dibicarakan, mereka membantahnya kerana ia bertentangan dengan kebebasan bersuara. Tetapi apabila saya bercakap, saya diberitahu supaya `anda mesti tutup mulut, jika tidak kami saman anda kerana menghina mahkamah'," katanya.

"Sedangkan mereka menulis surat dari penjara, mereka menulis surat dari mahkamah, mereka menyebarkannya, mereka memasukkannya dalam Internet dan mengatakan perkara buruk mengenai saya dan kerajaan, tetapi saya tidak boleh berkata apa-apapun kerana jika saya berbuat demikian, ia adalah menghina mahkamah," katanya.

Dr Mahathir berkata jika kes mahkamah itu berlanjutan selama lima tahun, beliau tidak boleh berkempen untuk pilihan raya.

"Oleh itu, satu-satunya cara untuk saya menutup mulut mereka yang menentang saya ialah dengan mempunyai satu kes di mahkamah dan melanjutkannya untuk beberapa tahun dan tiada siapapun boleh bercakap apa-apapun mengenai saya...dan kumpulan orang ini yang bercakap mengenai kebebasan akhbar dan kebebasan bersuara," katanya.

Ditanya sama ada beliau akan mengambil tindakan perundangan terhadap perkara yang dikatakan mengenai dirinya, Perdana Menteri berkata beliau percaya mengenai kebebasan akhbar dan kebebasan bersuara.

-- BERNAMA

SHO NAK